

Program Lawatan ke Rumah Amal Kasih Bestari

By **MASNITA NAWIRE**

Admin, Human Resource Department

Cofreth Recreation Committee ataupun lebih dikenali sebagai CRC telah berjaya menganjurkan program lawatan sambil menderma ke rumah anak yatim, Rumah Amal Kasih Bestari yang terletak di Kampung Melayu Subang pada 30 May 2015.



Seramai 12 orang staff telah mengambil bahagian dalam program ini dan seramai 25 orang kanak-kanak berumur antara 5 hingga 12 tahun yang terdiri daripada golongan anak yatim dan asnaf telah menyambut kedatangan kami pada jam 2.30 petang. Selepas sesi agihan barang-barang sumbangan kepada wakil rumah anak yatim, pihak penganjur telah mengadakan dua sesi permainan iaitu pertandingan fesyen menggunakan surat khabar dan pertandingan meneka aksi berdasarkan kertas undian. Pelbagai aksi dan keletah kanak-kanak tersebut berjaya mencuit hati kesemua peserta yang hadir.



Sesi penyampaian hadiah kepada kanak-kanak tersebut telah berlangsung sebaik sahaja kesemua permainan tamat dan kanak-kanak ini telah dijamu dengan makanan dari KFC. Walaupun masa semakin berganjak ke lewat petang, namun jelas terpancar wajah ceria kesemua peserta. Adalah menjadi harapan kesemua peserta agar lawatan dan sumbangan kepada anak-anak yatim akan diteruskan pada masa hadapan.



Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk menjayakan program pada kali ini. 🌟

